

## **Al-Quran Dan Sunah Sebagai Asas *Istinbat* Hukum: Metodologi Imam Al-Shafi'iy**

**Nidzamuddin Zakaria**

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia  
nidzamuddin@usim.edu.my

**Dr. Syed Najihuddin Syed Hassan**

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia

**Dr Abdulloh Salaeh**

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia

**Dr. Nooh Ma Yu Long**

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia

### **ABSTRAK**

Ijtihad Imam al-Shafi'iy adalah bersumberkan empat rujukan utama iaitu; al-Quran, Sunah, *Ijma'* dan *Qiyas*. Kajian ini membincangkan tentang metodologi Imam al-Shafi'iy dalam mengeluarkan hukum-hukum berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Terdapat beberapa metod al-Shafi'iy yang ingin dikemukakan oleh penulis berkaitan *istinbat* hukum berasaskan al-Quran melibatkan penggunaan kaedah umum (*al-ʿAm*) dan khusus (*al-khas*) dalam al-Quran dan *takhsis* lafaz *al-ʿAm* al-Quran dengan *Khabar Ahad* serta *Nasikh* dan *Mansukh*. Bagi *istinbat* hukum berasaskan sunah pula, penulis membahaskan beberapa metod al-Shafi'iy meliputi hadis *Mutawatir*, hadis *Ahad* dan hadis *Mursal*. Metodologi al-Shafi'iy ini merupakan landasan yang tepat dalam mengeluarkan hukum-hukum bagi memastikan penggunaan sumber-sumber tersebut secara maksimum dan mengikut keutamaannya.

### **PENGENALAN IMAM AL-SHAFI'IYY**

Nama beliau ialah Muhammad bin Idris bin ʿAbbas bin ʿUthman bin Shafi'iy bin al-Sa'ib bin ʿUbayd bin Abd al-Yazid bin Hashim bin Muttalib bin ʿAbd al-Manaf.<sup>305</sup> Gelaran yang diberikan kepadanya ialah Abu ʿAbd Allah. Salasilah keturunan beliau ada pertalian dengan keturunan Rasulullah *s.a.w* iaitu pada datuknya ʿAbd al-Manaf.<sup>306</sup>

Imam al-Shafi'iy dilahirkan pada bulan Rejab tahun 150 Hijriah bersamaan 767 Masihi di Ghazzah. Ada riwayat yang mengatakan bahawa beliau telah dilahirkan pada hari Imam Abu

---

<sup>305</sup> Abu Zahrah. *Op. Cit.* Hal. 27.

<sup>306</sup> Ismail Mahmud. 2000. *Kaedah Istinbat Hukum Mengikut Imam al-Shafi'iy*. Jurnal Penyelidikan Islam. Bil. 13. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hal. 112.

Hanifah kembali ke rahmatullah.<sup>307</sup> Selang beberapa lama setelah beliau dilahirkan, bapa beliau pula kembali ke rahmatullah lalu beliau tinggal di bawah jagaan ibunya.

Selepas ayahnya wafat, iaitu dikala usianya 2 tahun, ibunya telah membawa Imam al-Shafi'iy pulang ke Makkah iaitu negeri dan tanah tumpah darah nenek moyangnya serta kampung halaman mereka. Mereka tinggal di suatu tempat yang dikenali sebagai Sha'ib al-Khayf. Selang beberapa tahun kemudian pula, beliau dihantar oleh ibunya kepada seorang guru untuk mengajar ilmu pengetahuan.<sup>308</sup>

Karya-karya penulisan Imam al-Shafi'iy sangat banyak, merangkumi; kitab tafsir, hadis, fiqh dan kesusasteraan Arab. Beliau juga merupakan orang pertama yang menyusun ilmu usul fikah. Walaubagaimanapun, antara kitab karangan beliau yang paling masyhur ialah *al-Umm* dan *al-Risalah*. Kedua-dua kitab ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Beliau mengarang kedua-dua kitab ini semasa beliau berada di Baghdad.<sup>309</sup>

*Al-Risalah* merupakan kitab usul fiqh yang pertama yang membicarakan dasar-dasar pemahaman hukum secara terperinci yang ditulis oleh beliau di Baghdad.<sup>310</sup> Selain daripada itu, beliau turut mengarang kitab *Ahkam al-Qur'an*, *Ikhtilaf al-Hadis*, *Ibtal al-Istihsan*, *al-Imla'*, *al-Amali*, *al-Musnad*, *al-Mabsut* dan lain-lain lagi.<sup>311</sup> Manakala *al-Umm* yang bermaksud Kitab Induk ini pula telah memberikan jasa yang cukup besar dalam menjelaskan masalah-masalah hukum Islam menurut mazhab al-Shafi'iy.<sup>312</sup>

Akhirnya, pada bulan Rejab tahun 204H, ketika umurnya menjangkau 54 tahun, Imam al-Shafi'iy telah kembali ke rahmatullah.<sup>313</sup> Namun, jasa dan sumbangannya terhadap ilmu-ilmu Islam terus subur dan terpatat kukuh untuk tatapan jutaan masyarakat Islam sehingga ke hari ini.

## **METODOLOGI ISTINBAT HUKUM BERASASKAN**

### **AL-QURAN DAN SUNNAH MENURUT IMAM AL-SHAFI'IYY**

#### **Sumber-sumber *Istinbat* Hukum Di sisi Imam Al-Shafi'iy**

Imam al-Shafi'iy mempunyai pandangan dan cara yang teratur dalam mengeluarkan sesuatu hukum. Dr. Ismail Mahmod menyatakan Imam al-Shafi'iy memiliki metodologi yang tersendiri dalam menggariskan sumber hukum dan cara pengambilannya.<sup>314</sup>

Malah berdasarkan kata-kata Imam al-Shafi'iy mengenai sumber-sumber ijtihad, beliau menegaskan bahawa tidak seorang pun boleh memperkatakan tentang halal dan haram kecuali

---

<sup>307</sup> al-Shafi'iy 1309H. *Op. Cit.* Hal. 39.

<sup>308</sup> al-Ghazaliyy, Abi Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1998M/1419H. *al-Mankhul min Ta'liqat al-Usul*. Sunt. Dr. Muhammad Hasan Haito. Bayrut: Dar al-Fikr al-Ma'asir. Hal. 575-576.

<sup>309</sup> al-Shafi'iy. 1309H. *Op. Cit.* Hal. 51-52.

<sup>310</sup> *Ibid.* Hal. 53.

<sup>311</sup> Al-Qur'an. Yunus 10:3. (Semua terjemahan dalam tulisan ini adalah berdasarkan *Al-Quran dan Terjemahannya*. 1412H. Madinah al-Munawwarah: Mujamma' Khadim al-Haramayn al-Sharifayn al-Malik Fahd li Tiba'at al-Mushaf al-Sharif. Terjemahan merujuk kepada rujukan lain akan dinyatakan).

<sup>312</sup> Al-Qur'an. Hud 11: 6.

<sup>313</sup> al-Shafi'iy. 1309H. *Op. Cit.* Hal. 56.

<sup>314</sup> Al-Qur'an. Al-Hujurat 49:13.

berdasarkan ilmu dari al-Quran, Sunah, *Ijma*<sup>c</sup> atau *Qiyas*.<sup>315</sup> Dengan penegasan ini, dapatlah dirumuskan bahawa hanya dalil-dalil ini yang benar-benar sah dijadikan sebagai landasan hukum.

Setelah dihuraikan sumber-sumber ijtihad Imam al-Shafi'iy yang empat itu, maka beliau telah merumuskan kaedah-kaedah *istinbat* hukum berdasarkan turutan yang dinukilkan oleh Imam al-Ghazaliyy dalam kitabnya; *al-Mankhul Min Ta'liqat al-Usul* <sup>316</sup>dengan penjelasan seperti berikut:-

قال الشافعي رضي الله عنه: إذا رفعت إليه واقعة. فليعرضها على نصوص الكتاب، فإن أعوزه فعلى الأخبار المتواترة، فإن أعوزه فعلى الآحاد، فإن أعوزه لم يخض في القياس، بل يلتفت إلى ظاهر القرآن. فإن وجد ظاهرا نظر في المخصصات من قياس وخبر. فإن لم يجد مخصصا حكم به. وإن لم يعثر على لفظ من كتاب ولا سنة نظرا إلى المذاهب، فإن وجد مجمعا عليه اتباع الإجماع. وإن لم يجد إجماعا خاض في القياس، ويلاحظ القواعد الكلية أولا، ويقدمها على الجزئيات كما في القتل لا لثقل، ويقدم قاعدة الردع على مراعاة الآلة. فإن عدم قاعدة كلية نظر في النصوص ومواقع الإجماع، فأوجدها في معنى واحد إلحق به. وإلا انحدر إلى قياس مخيل. فإن أعوزه تمسك بالشبه، ولا يعول على طرد إن كان يؤمن بالله العزيز ويعرف مآخذ الشرع. هذا تدرج النظر على ما قاله الشافعي رضي الله عنه. ولقد أئثر الإجماع عن الأخبار، وذلك تأخير مرتبة لا تأخير عمل. إذ العمل به مقدم، ولكن الخبر يتقدم في المرتبة عليه، فإنه مستند قبول الإجماع.

Maksudnya:

“al-Shafi'iy r.a berkata: Apabila diangkat kepadanya (mujtahid) sesuatu isu maka hendaklah ia merujuk kepada nas-nas al-Quran, sekiranya ia tidak dapati daripadanya, maka hendaklah ia merujuk kepada hadis-hadis yang *mutawatir*, sekiranya ia tidak dapati maka hendaklah ia rujuk kepada hadis-hadis *Ahad*, sekiranya tidak didapati juga jangan ia terus masuk kepada *Qiyas*, tetapi hendaklah melihat kepada zahir al-Quran, sekiranya ia dapati zahir al-Quran maka hendaklah ia melihat kepada *mukhassisat* seperti *Qiyas* dan Hadis, sekiranya tidak didapati *mukhassis* maka ia menghukum dengan zahir”.

“Jika ia tidak menemui sebarang lafaz dari al-Quran dan Sunah maka hendaklah ia melihat kepada mazhab-mazhab (pendapat-pendapat ulamak), sekiranya ia mendapati bahawa ia telah diijma<sup>c</sup>kan maka hendaklah ia mengikuti *Ijma*<sup>c</sup> tersebut. Sekiranya ia tidak mendapati *Ijma*<sup>c</sup>, maka ia bertukar kepada *Qiyas*. Dalam penggunaan qiyas, hendaklah ia mengutamakan *Qa'idah-qa'idah Kulliyah* daripada *juz'iyat*, seperti dalam masalah *qiyas* pembunuhan dengan *muthaqqal* (benda berat atau tumpul) dengan pembunuhan dengan *muhaddad* (benda yang tajam). Di sini ia mendahulukan kaedah menghalang (jenayah pembunuhan) daripada meraikan alat pembunuhan”.

<sup>315</sup> Al-Qur'an. Al-Hujurat 49:13.

<sup>316</sup> al-Shafi'iy, Muhammad bin Idris. 1309H. *Op. Cit.* Hal. 57.

“Sekiranya ia tidak mendapati *Qa'idah Kulliyah*, maka hendaklah ia melihat kepada nas-nas dan sumber-sumber *Ijma'*. Sekiranya ia mendapati masalah itu menepati makna yang sama maka hendaklah ia menggunakannya dan jika ia tidak dapati juga maka ia perlu turun (berpindah) kepada *Qiyas* yang berdasarkan sifat munasabah. Jika masih tidak didapati maka ia berpegang dengan *al-Shibh* (titik persamaan) dan jangan ia terus membuangnya (sumber hukum itu) jika ia beriman dengan Allah Yang Maha Perkasa dan mengetahui tempat-tempat pengambilan *shara'*. al-Ghazaliyy menambah lagi; “Inilah tahap-tahap (turutan) penelitian yang dikatakan oleh al-Shafi'iy. Sesungguhnya beliau menta'*khirkkan* (melewatkan) *Ijma'* dari *Akhbar*. Itu hanya *ta'khir* kedudukan, bukan *ta'khir* amalan, kerana beramal dengan *Ijma'* didahulukan. Justeru, beliau mendahulukan *Aakhbar* daripada *Ijma'* dari segi kedudukan kerana ia (*khobar*) menjadi tempat sandaran *Ijma'*”.

Inilah turutan sumber *istinbat* hukum menurut Imam al-Shafi'iy. Justeru, huraian yang berikut akan memperincikan fokus perbahasannya mengenai cara-cara pengambilan hukum tersebut menurut Imam al-Shafi'iy khususnya bersumberkan al-Quran dan Sunnah sebagai sumber utama hukum.

## METODOLOGI *ISTINBAT* HUKUM BERASASKAN AL-QURAN

### Penggunaan Kaedah Umum (*al-<sup>c</sup>Am*) dan Khusus (*al-Khas*) Dalam al-Quran

Kaedah pengambilan hukum dalam al-Quran menurut Imam al-Shafi'iy antaranya ialah melalui kaedah bersifat *al-<sup>c</sup>Am* dan *al-Khas* berdasarkan maksud dan maknanya di dalam bahasa Arab.

Menurut Imam al-Shafi'iy, seluruh al-Quran itu terdiri di atas bahasa Arab. Untuk menguasai seseorang itu perlu mahir dalam bahasa Arab kerana bahasa ini terkenal dengan banyak ungkapan misalnya penggunaan lafaz *<sup>c</sup>am* (ungkapan yang bersifat umum) dan lafaz *khas* (ungkapan yang bersifat khusus). Dengan memerhatikan berbagai keadaan tentang hubungan ungkapan dengan makna, Imam al-Shafi'iy menegaskan bahawa dalam al-Quran mengandungi lafaz *<sup>c</sup>Am*, *Khas*, *Mutlaq*, *Muqayyad*, *Haqiqah*, *Majaz*, *Mushtarak*, *Mujmal*, *Mubayyan* dan sebagainya.<sup>317</sup>

Contoh bagi lafaz yang umum,<sup>318</sup> firman Allahs.w.t:

خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ<sup>319</sup>

Maksudnya:

Dia menciptakan langit dan bumi.

<sup>317</sup> Ibid. Hal. 64 dan al-Bayhaqiyy 1994. *Op. Cit.* Hal. 37.

<sup>318</sup> Al-Qur'an. Al-Nisa' 4:11.

<sup>319</sup> al-Shafi'iy. *Op. Cit.* Hal. 65.

Firman Allah s.w.t lagi:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ<sup>320</sup>

Maksudnya:

Dan tiadalah sesuatu pun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (*Lawh Mahfuz*) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan).

Imam al-Shafi'iyi menjelaskan dalam kitabnya bahawa terdapat satu ayat yang mengandungi lafaz umum dan khusus.<sup>321</sup> Adapun yang umum adalah firman Allah s.w.t:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا<sup>322</sup>

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami menciptakan dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal.

Adapun ayat yang khusus pula ialah sambungan daripada ayat tadi di mana firman Allah s.w.t:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ<sup>323</sup>

Maksudnya:

Sesungguhnya orang yang paling mulia antara kamu di sisi Allah adalah orang yang paling bertaqwa antara kamu.

Imam al-Shafi'iyi menjelaskan bahawa apabila diciptakan manusia daripada lelaki dan wanita semuanya itu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku tetapi kerana taqwa itu hanya ada pada orang yang menyedarinya dan termasuk orang yang telah sampai umurnya dari anak cucu Adam, tidak termasuk makhluk-makhluk lain seperti binatang, kanak-kanak yang belum menyelami kesedaran taqwa (belum mumaiyiz) dan orang-orang yang hilang akalunya (gila, pengsan dan sebagainya).<sup>324</sup>

Imam al-Shafi'iyi menjelaskan lagi bahawa hukum lafaz *al-ʿam* menunjukkan kepada semua makna-maknanya kecuali jika ada dalil yang menunjukkan supaya dikeluarkan sebahagian daripadanya. Oleh yang demikian, beliau beranggapan tidak boleh beramal atau berpegang dengan lafaz *al-ʿam* sebelum mencari ada atau tiada *mukhassisnya*.<sup>325</sup> Beliau berpendapat sedemikian berdasarkan contoh pada ayat pembahagian harta pusaka, di mana Allah s.w.t telah berfirman:

<sup>320</sup> *Ibid.* Hal. 369.

<sup>321</sup> Al-Qur'an. Yunus 10:15.

<sup>322</sup> al-Shafi'iyi. 1309H. *Op. Cit.* Hal. 106.

<sup>323</sup> *Ibid.* 138.

<sup>324</sup> Al-Qur'an. Al-Baqarah 2:180.

<sup>325</sup> Hadis. Ibn Majah. Kitab al-Wasaya. Bab La Wasiyyata Li al-Warith. Juz':3.#2713

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ السُّدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفَعًا فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا<sup>326</sup>

Maksudnya:

Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibubapa si mati, tiap-tiap seorang daripada keduanya 1/6 dari harta yang ditinggalkan oleh si mati jika si mati itu mempunyai anak, tetapi kalau si mati tidak mempunyai anak sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibubapanya, maka bahagian ibu ialah 1/3. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik beradik), maka bahagian ibunya ialah 1/6. (Pembahagian itu) adalah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati dan sesudah dibayar hutangnya. Ibubapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa antara mereka yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah, sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui lagi amat Bijaksana.

Imam al-Shafi<sup>c</sup>iyi menegaskan bahawa umum ayat wasiat itu menjelaskan bahawa ibu bapa dan suami merupakan sesuatu yang disebut dalam banyak keadaan dan itu adalah kefahaman umumnya. Namun, Sunah telah menunjukkan bahawa apa yang dimaksudkan di sjeni sebenarnya adalah sebahagian daripada dua orang ibu bapa dan suami tanpa sebahagian yang lain. Beliau meletakkan syarat juga bahawa mestilah ibu bapa dan suami itu satu agama (Islam) dan ahli waris bukan seorang pembunuh dan hamba sahaya. Wasiat-wasiat itu hanyalah terbatas sebanyak satu pertiga dan bagi ahli waris sebanyak dua pertiga. Tambahan pula, sebelum wasiat dan warisan dibahagikan, hutang perlu ditunaikan dahulu. Pengkhususan ini semua berdasarkan petunjuk Sunah dan *ijma<sup>c</sup>* ulamak.<sup>327</sup>

Menurut Imam al-Shafi<sup>c</sup>iyi lafaz *al-cAm* dari sudut maknanya adalah bersifat *zanniyy*. Justeru, lafaz *al-cAm* perlu ditakhsiskan. Apabila datang lafaz *al-cAm* dalam sesuatu nas syarak sama ada al-Quran atau Sunah, maka ia menunjukkan hukum yang dinyatakan oleh nas itu berlaku untuk seluruh perkara (*Afrad*) yang terkandung dalam pengertiannya. Manakala lafaz *al-Khas* pula, *dilalah* atau petunjuknya *qat<sup>c</sup>iyi*. Jika berlaku pertentangan antara keduanya hendaklah didahulukan lafaz *al-Khas* yang bersifat *qat<sup>c</sup>iyi* daripada lafaz *al-cAm* yang bersifat *zanniyy*.

<sup>326</sup> al-Qur'an. Al-Nisa' 4: 11.

<sup>327</sup> al-Shafi<sup>c</sup>iyi. 1309H. *Op. Cit.* Hal. 108

### **Takhsis Lafaz *al-<sup>c</sup>Am* al-Quran Dengan *Khabar Ahad***

Imam al-Shafi'iy berpendapat harus dikhususkan lafaz *al-<sup>c</sup>Am* al-Quran dengan lafaz *khas khabar Ahad*. Ini kerana *khabar Ahad* adalah sabit secara *zanni* tetapi *dilalahnya* adalah secara *qat'iy*, kerana lafaznya adalah *khas*. Manakala lafaz *al-<sup>c</sup>am* pula, ia sabit adalah *qat'ci* namun *dilalahnya* adalah *zanniyy*, kerana lafaznya *<sup>c</sup>am*. Oleh yang demikian, kedua-duanya adalah sama dan harus ditakhsiskan *al-<sup>c</sup>am* al-Quran dengan *al-khas* daripada *khabar Ahad*.<sup>328</sup>

### ***Nasikh dan Mansukh***

Walaupun Imam al-Shafi'iy meletakkan al-Quran dan Sunah pada kedudukan dan tahap yang sama, tetapi beliau mempunyai pandangan yang tersendiri dalam *nasakh*.

Firman Allah *s.w.t*:

وَإِذَا تُلِيٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ قَالَ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا إِنَّا بُرْءَانٍ غَيْرِ هَذَا أَوْ بَدَّلَهُ فُلْ مَا يَكُونُ لِيَ أَلَّا أُبَدِّلَهُ  
مِنْ تَلَفَاتٍ نَفْسِي إِنْ أَتَّبَعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ إِنِّي أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابٌ يَوْمٍ عَظِيمٍ<sup>329</sup>

Maksudnya:

Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas nyata, berkatalah orang-orang yang tidak menaruh ingatan menemui Kami (untuk menerima balasan): “Bawalah al-Quran yang lain daripada ini atau tukarkanlah dia”. Katakanlah (wahai Muhammad) “Aku tidak berhak menukarkannya dengan kemahuanku sendiri, aku hanya tetap menurut apa yang diwahyukan kepadaku sahaja. Sesungguhnya aku takut jika aku menderhaka kepada Tuhanku, akan azab hari yang besar nanti.

Menurut beliau, al-Quran hanya *menasakhkan* al-Quran, begitu juga Sunah *menasakhkan* Sunah. Sunah tidak boleh *menasakhkan* al-Quran dan sebaliknya. Ini seperti yang diterangkan dalam *al-Risalah* bahawa:-

Allah *s.w.t* menyatakan kepada hamba-Nya bahawa yang *menasakhkan* al-Quran dengan al-Quran dan Sunah tidak *menasakhkan* al-Quran kerana Sunah adalah ekoran kepada al-Quran dan ia menghuraikannya. Begitu juga Sunah hanya *menasakhkan* Sunah sahaja. Allah tidak akan memerintahkan rasul-Nya mengadakan sesuatu hukum yang bertentangan dengan hukumNya.<sup>330</sup>

Biarpun terdapat kenyataan di mana Sunah dikatakan *menasakhkan* al-Quran, namun Imam al-Shafi'iy menganggap sebenarnya Sunah itu hanya bertindak sebagai bukti atau dalil adanya ayat al-Quran yang *menasakhkan* al-Quran dan bukanlah sunnah itu sendiri yang

<sup>328</sup> al-Qur'an. Al-Baqarah 1:106.

<sup>329</sup> al-Shafi'iy. 1309H. *Op. Cit.* Hal. 358-359.

<sup>330</sup> *Ibid.* Hal. 460 dan al-Shawkaniyy, 1998. *Op. Cit.* Hal. 323-341.

menasakhkan al-Quran. Sebagai contohnya, al-Quran yang dikatakan telah *dinasakhkan* dengan hadis *Mutawatir* berdasarkan ayat wasiat kepada ibubapa dan kaum kerabat.<sup>331</sup>

Firman Allah s.w.t:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ<sup>332</sup>

Maksudnya:

Kamu diwajibkan apabila seseorang dari kamu kedatangan maut, jika ia meninggalkan harta (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai satu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa.

Dalam hal ini, hukum wajib berwasiat itu *dinasakhkan* oleh hadis yang diriwayatkan oleh Abu Umamah al-Bahiliyy r.a bahawa Baginda s.a.w bersabda:

إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَعْطَى كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ ، فَلَا وَصِيَّةَ لَوَارِثٍ.<sup>333</sup>

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah s.w.t telah memberikan setiap pemilik hak itu haknya, maka tiada lagi wasiat untuk pewaris.

Hal tersebut turut ditegaskan Allah s.w.t:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ<sup>334</sup>

Maksudnya:

Allah mensyariatkan bagi kamu tentang pembahagian pusaka untuk anak-anakmu iaitu seorang anak lelaki sama dengan dua bahagian anak perempuan.

Walaupun bagaimanapun, Imam al-Shafi'iyy menganggap tidak harus *dinasakhkan* al-Quran dengan hadis walaupun hadis *mutawatir* atau *masyhur*.<sup>335</sup> Hujah Imam al-Shafi'iyy ini berdasarkan firman Allah s.w.t lagi:

مَا نَسَخَ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِنْهَا أَوْ مِثْلَهَا أَمْ تَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ<sup>336</sup>

<sup>331</sup> al-Shafi'iyy. 1309H. *Op. Cit.* Hal. 370-372.

<sup>332</sup> *Ibid.* Hal. 178.

<sup>333</sup> *Ibid.* Hal. 369-370.

<sup>334</sup> al-Shafi'iyy. 1993. *al-Umm.* Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Hal. 666.

<sup>335</sup> *Ibid.* Hal. 275.

<sup>336</sup> *Ibid.* Hal. 207.

Maksudnya: Apa sahaja ayat keterangan yang Kami *mansukhkan* (batalan) atau yang Kami tinggalkan (atau tanggihkan), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya atau yang sebanding dengannya. Tidakkah engkau mengetahui bahasanya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu?

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah menyandarkan gantikan ayat yang *dinasakhhkan* itu pada diriNya sahaja dan mendatangkan al-Quran sahaja sebagai ganti. Ini kerana didapati pada hadis Rasulullah “Tidak boleh dilakukan wasiat kepada waris” menerangkan bahawa ayat pusaka *menasakhhkan* ayat wasiat, maka nyatalah al-Quran *menasakhhkan* al-Quran sahaja dan hadis bertindak sebagai dalil dan petanda *nasakh* itu.

## METODOLOGI ISTINBAT HUKUM BERASASKAN SUNNAH

### Hadis *Mutawatir*

Imam al-Shafi'yy telah meletakkan beberapa syarat dalam penerimaan sesuatu hadis yang diambil bagi mengistinbat sesuatu hukum. Beliau membahagikan ilmu itu kepada dua bahagian iaitu *ilm al-ammah* iaitu hal-hal yang telah diketahui dan diterima secara meluas tanpa wujud perbezaan pendapat kerana ia bersumber dari nas khabar yang diriwayatkan dari Rasulullah *s.a.w* oleh ramai orang pada setiap generasi, maka ia tidak boleh diperselisihkan kekuatannya. Manakala yang kedua pula ialah ilmu yang tidak didasarkan atas nas al-Quran ataupun Sunah, hanya bersumber dari *Khabar Khassah* iaitu hadis yang diriwayatkan oleh sebahagian orang atau hadis-hadis yang mungkin boleh ditakwilkan.<sup>337</sup>

Imam al-Shafi'yy membahagikan hadis kepada dua jenis iaitu *khabar ammah* (hadis *Mutawatir*) dan *Khabar Khassah* (hadis *Ahad*). Beliau meletakkan hadis *Mutawatir* sebagai hadis yang harus diterima sebagai hujah dan dalil, akan tetapi bagi khabar khassah pula hanya wajib diamalkan apabila hadis itu sahih.<sup>338</sup>

Secara lebih terperinci, Imam al-Shafi'yy menjelaskan syarat-syarat bagi hadis sahih ialah sanad hadis mestilah bersambung kepada Rasulullah *s.a.w*. Manakala perawinya pula mestilah *thiqah* (boleh dipercayai) dalam hal keagamaan dan dikenali sebagai seorang yang berkata benar. Selain daripada itu, perawi mestilah mengetahui makna hadis yang diriwayatkannya serta mengetahui perkara-perkara yang boleh mengubah makna atau pun sekiranya ia diriwayatkan melalui hafalan, ia dapat menyampaikan hadis seolah-olah sama seperti apa yang didengarnya.<sup>339</sup>

Jika ia meriwayatkan dari kitab, maka mestilah ia memelihara sama seperti dalam kitabnya. Riwayatnya pula mestilah sentiasa sesuai dengan riwayat para ahli Hadis serta perawinya tidak melakukan *tadlis* (unsur penipuan).

Sikap Imam al-Shafi'yy juga jelas apabila terdapat sesuatu hadis diriwayatkan oleh orang yang *thiqah* daripada orang yang *thiqah* hingga sampai kepada Rasulullah *s.a.w*, maka beliau akan beramal dengan hadis tersebut, dengan syarat hadis tersebut tidak bertentangan dengan hadis lain. Apabila wujud pertentangan antara hadis yang *nasikh* dan yang *mansukh*, Imam al-Shafi'yy

<sup>337</sup> al-Shafi'yy. 1309H. *Op. Cit.* Hal. 462 dan al-Ghazaliyy, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. 1998M/1419H. *al-Mankhul min Ta'liqat al-Usul*. Sunt. Dr. Muhammad Hasan Haito. Bayrut: Dar al-Fikr al-Ma'asir. Hal. 460.

<sup>338</sup> al-Shafi'yy. 1309H. *Op. Cit.* Hal. 464.

<sup>339</sup> al-Shafi'yy. 1309H. *Op. Cit.* Hal. 465 dan al-Haramayn, Imam al-Haramayn. 1399H. *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Sunt. Al-Syaikh Khalifah Ibn al-Thaniyy. Jil. 2. t.tp. t.pt. Hal. 640.

akan beramal dengan dengan hadis yang *nasikh* (pembatal) dan meninggalkan hadis yang *mansukh* (yang terbatal). Beliau akan memilih hadis yang riwayatnya lebih sahih dan tepat. Sekiranya hadis-hadis tersebut setaraf dari segi kesahihan para perawinya, maka beliau akan menyelaraskannya dengan al-Quran dan Sunah dan seterusnya beliau beramal dengan hadis yang lebih hampir atau selaras dengan hukum atau ketetapan al-Quran dan Sunnah.<sup>340</sup>

### Hadis Ahad

Dalam kitab *al-Risalah*, ada dinyatakan tentang kedudukan dan batasan yang harus dipenuhi supaya hadis *Ahad* dapat diterima sebagai hujah. Imam al-Shafi'iy mengatakan:

فَقُلْتُ خَبْرُ الْوَاحِدِ عَنِ الْوَاحِدِ حَتَّى يَنْتَهِيَ بِهِ إِلَى النَّبِيِّ أَوْ مَنْ أَنْتَهَى بِهِ إِلَيْهِ دُونَهُ<sup>341</sup>

Maksudnya:

Maka saya katakan: Khabar yang diriwayatkan oleh seseorang dari seseorang (dan seterusnya) sehinggalah sampai kepada Nabi s.a.w atau seseorang yang lain yang juga sanadnya tunggal hinggalah bersambung kepada Nabi s.a.w.

Menurutnya, sesuatu hadis yang diriwayatkan secara bersambung melalui sanadnya haruslah diterima sebagai hujah walaupun ia diriwayatkan oleh seorang perawi (hadis *Ahad*).<sup>342</sup> Bersambungan sanad sudah memadai bagi Imam al-Shafi'iy untuk menjadi dasar, tanpa harus dikaitkan dengan jumlah perawinya. Mengenai hal ini, beliau menyatakan bahawa beliau tidak mengetahui adanya perselisihan di kalangan ulamak terdahulu dan tidak pernah menjumpai adanya hadis yang sahih menurut ahli hadis tetapi ditinggalkan oleh seluruh ulamak kecuali dengan melihat kepada hadis yang lainnya.

Suatu riwayat yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkannya itu tidak boleh ditolak kecuali dengan alasan yang kuat seperti adanya pertentangan antara dua hadis yang berasal dari seorang perawi.<sup>343</sup> Jelas Imam al-Shafi'iy lagi; Sunnah itu tidaklah dihukum *da'if* atau lemah sekiranya ia hanya diriwayatkan oleh seorang asalkan perawinya itu *thiqah*.<sup>344</sup>

### Hadis Mursal

Pada prinsipnya, Imam al-Shafi'iy tidak menerima hadis *Mursal* dalam mengistinbat sesuatu hukum kecuali ia mendapat sandaran dari luar seperti hadis yang diriwayatkan oleh perawi secara *isnad* (*sanad* yang bersambung), hadis *Mursal* yang lainnya, *Qawl Sahabi* dan riwayat yang sama

<sup>340</sup> Ismail Mahmod. 2000. *Op. Cit.* Hal. 116.

<sup>341</sup> Berita Harian bertarikh 29 Oktober 2018.

<sup>342</sup> [http://prpm.dbp.gov.my/Kamus\\_dewan\\_edisi\\_keempat](http://prpm.dbp.gov.my/Kamus_dewan_edisi_keempat).

<sup>343</sup> Siti Hajar Jamal, *Memahami Konsep Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT) Dari Konteks Sosial*, Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam, 2018, m/s 993.

<sup>344</sup> Berita Harian bertarikh 17 Mei 2019.

tarafnya atau lebih baik daripada riwayat *huffaz* yang lain untuk menguatkannya dari *da'if* (lemah) kepada *hasan li ghayrih* (hadis bertaraf baik dengan sokongan lain).<sup>345</sup>

Jika seorang dari kalangan *Tabi'in* bertemu dengan sahabat bagi meriwayatkan hadis dari Rasulullah s.a.w, maka Imam al-Shafi'iy telah meletakkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi iaitu:-

1. Jika makna hadisnya itu sesuai dengan hadis yang diriwayatkan secara *isnad* (bersambung) sampai kepada Rasulullah s.a.w oleh para penghafal hadis yang dipercayai, maka sumber tersebut adalah sahih.
2. Jika hadis mursal itu tidak dijumpai dalam riwayat lain secara *isnad*, maka haruslah ia diteliti.
3. Jika ada orang lain yang meriwayatkannya secara mursal, maka itu dapat menguatkan hadis tersebut. Namun ia harus diteliti jika ada pendapat sahabat (*qawl sahabi*) yang sesuai dengannya. Ini bagi menunjukkan bahawa hadis tersebut bersumber dari sumber yang benar.
4. Sekiranya seseorang perawi itu kebiasaannya tidak pernah meriwayatkan hadis dari sumber yang tidak diketahui yakni *majhul* atau orang yang riwayatkannya tertolak, maka riwayatnya itu sahih.
5. Perlu diperhatikan juga agar riwayatnya sesuai dengan riwayat para *huffaz* yang lain atau jika terdapat perbezaan, riwayatnya selalu lebih baik. Itu juga menunjukkan riwayatnya sahih.<sup>346</sup>

Beliau menambah lagi bahawa hadis mursal hanya dapat diterima dari para *Tabi'in* pada martabat yang besar dan yang banyak kali bertemu dengan sahabat. Walaubagaimanapun, Imam al-Shafi'iy sebenarnya tidaklah menolak sepenuhnya hadis mursal. Beliau ada mengamalkannya pada hal-hal yang dianggap *ijmal* atau umum.<sup>347</sup>

## KESIMPULAN

Berdasarkan huraian yang diberikan ini, maka dapat disimpulkan bahawa sumber-sumber hukum di sisi Imam al-Shafi'iy itu adalah al-Quran dan Sunnah yang sabit. Jika tidak dijumpai kedua-dua sumber yang utama itu, maka hendaklah menggunakan *ijma'* dalam hal yang lebih tinggi kedudukannya dari khabar *Ahad*. Kemudian menggunakan *qiyas*, iaitu sumber yang akhir sekali dalam sumber-sumber ijtihad Imam al-Shafi'iy.

Beliau juga turut menggunakan hadis-hadis berdasarkan zahirnya tetapi sekiranya banyak erti lafaznya maka dipilih yang lebih dekat kepada zahirnya. Sekiranya banyak hadis yang sama, maka beliau beramal dengan hadis yang paling sahih sanadnya. Beliau juga tidak menggunakan hadis-hadis *Munqati'* (yang tidak bersambung sanad).

Jika dikaji, tidak ramai ulamak *Usul* yang membincangkan tentang cara susunan penggunaan dalil dalam mengistinbat hokum, tetapi Imam al-Shafi'iy telah menyusun secara

---

<sup>345</sup> Noor Hafizah dan Norsaleha, *Kumpulan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (Lgbt) Ancaman Terhadap Keamanan Dan Keharmonian Beragama Di Malaysia*, Jurnal Islam Relitas: Journal of Islamic & Social Studies, vol 2, no 2, Julai-Disember 2016, m/s 216.

<sup>346</sup> Siti Hajar Jamal, *Memahami Konsep Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT) Dari Konteks Sosial*, m/s 995.

<sup>347</sup> Harian Metro, bertarikh 22 November 2011.

terperinci kaedah atau cara dalam *istinbat* sesuatu masalah hukum dengan meletakkan turutan pendalilan hukum yang jelas dan teratur bagi melaksanakan ijtihad.<sup>348</sup>

Oleh yang demikian, didapati Imam al-Shafi'iy khasnya dalam metodologi *istinbat* hukum berasaskan al-Quran dan Sunnah, telah memecahkan tradisi dengan menerangkan secara jelas dan terperinci melalui penyelidikan segala apa yang perlu dibuat atau diikuti dalam melakukan apa-apa ijtihad supaya tidak berlaku kesilapan dalam membuat kesimpulan-kesimpulan hukum. Ini menggambarkan keilmuan dan keserjanaan beliau yang tinggi dalam bidang ilmu.

## RUJUKAN

*Al-Qur'an al-Karim*.

*Al-Qur'an dan Terjemahannya*. 1412H. Madinah al-Munawwarah: Muamma<sup>c</sup> Khadim al-Haramayn al-Sharifayn al-Malik Fahd li Tiba<sup>c</sup>ah al-Mushaf al-Sharif.

al-Bayhaqiyy, Ahmad bin al-Husayn. 1994M. *al-Sunan al-Kubra*. Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.

al-Dhahabiyy, Syamsuddin Muhammad ibn Ahmad ibn <sup>c</sup>Uthman. 1988. *Siyar A<sup>c</sup>lam al-Nubala'*. Jil. 4 & 10. Bayrut: Muassasah al-Risalah.

Faruq <sup>c</sup>Abdul Mu<sup>c</sup>tiyy. 1992. *Imam al-Shafi'iy*. Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.

al-Ghazaliyy, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. 1998M/1419H. *al-Mankhul min Ta<sup>c</sup>liqat al-Usul*. Sunt. Dr. Muhammad Hasan Haito. Bayrut: Dar al-Fikr al-Ma<sup>c</sup>asir.

al-Haramayn, Imam al-Haramayn. 1399H. *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Sunt. Al-Syaikh Khalifah Ibn al-Thaniyy. Jil. 2. t.tp. t.pt.

Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwayni. 2000M, *Sunan Ibn Majah*. Bayrut: Dar al-Ma<sup>c</sup>rifah.

Ismail Mahmod. 2000. *Kaedah Istinbat Hukum Mengikut Imam al-Shafi'iy*. Jurnal Penyelidikan Islam. Bil. 13. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Muhammad Abu Zahrah. t.th. *Usul al-Fiqh*. t.pt.: Dar al-Fikr al-<sup>c</sup>Arabiyy.

Muhammad Abu Zahrah. 1948. *al-Shafi'iy Hayatuhu wa <sup>c</sup>Asruhu*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-<sup>c</sup>Arabiyy.

Muhammad Abu Zahrah. t.th. *Fi Tarikh al-Madhahib al-Fiqhiyyah*. Jil. 2. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-<sup>c</sup>Arabiyy.

al-Shafi'iy, Muhammad ibn Idris. 1309H. *al-Risalah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.

al-Shafi'iy, Muhammad ibn Idris. 1993. *al-Umm*. Jil. 3 & 7. Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.

al-Shawkaniyy, Muhammad ibn Muhammad. 1998. *Irshad al-Fuhul Ila Tahqiq al-Haq min <sup>c</sup>Ilm al-Usul*. Sunt. Muhammad Hassan Isma<sup>c</sup>il al-Shafi'iy. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.

---

<sup>348</sup> Utusan Online, bertarikh 2 November 2011

al-Suyutiyy, Jalaluddin <sup>c</sup>Abd al-Rahman ibn Abi Bakr. 1994. *Tabaqat al-Huffaz*. Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.